
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

STW213 - Praktis Kerja Sosial dengan Individu dan Keluarga

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan saja. Bahagian A adalah wajib. Setiap soalan bernilai 100 markah.

Bahagian A: Wajib dijawab.

1. Baca keratan di bawah:

'S' adalah seorang wanita berusia 18 tahun. Beliau masih bersekolah di Tingkatan 6. Baru-baru ini beliau kelihatan termenung saja dan kadang-kadang sedih, muram dan sering mengasingkan diri. Tambahan pula, prestasi pelajar 'S' telah merosot. Oleh kerana ini, 'S' telah dirujuk kepada anda.

Sebagai pekerja sosial, huraikan proses pertolongan yang akan dilaksanakan berdasarkan tiga fasa yang telah diutarakan oleh Dean Hepworth dan Larsen.

...2/-

Bahagian B: Jawab SATU (1) soalan sahaja.

2. Intervensi dengan individu melibatkan beberapa pendekatan:
 - (i) Pilih satu (1) pendekatan dan jelaskan pendekatan itu.
 - (ii) Dengan menggunakan contoh, huraikan proses pelaksanaan dalam pendekatan yang dipilih.

3. Perkhidmatan yang berkesan adalah berdasarkan penentuan situasi bermasalah/ situasi yang membimbangkan dengan tepat.

Huraikan bagaimanakah seorang pekerja sosial boleh menentukan situasi yang sebenar seperti yang dikemukakan oleh Louis Johnson.

Bahagian C: Jawab SATU (1) soalan sahaja.

4.
 - (i) Keluarga adalah satu sistem sosial. Terangkan pernyataan ini.
 - (ii) Huraikan bagaimana pendekatan sistemik dapat dilaksanakan dalam intervensi dengan keluarga.

5.
 - (i) Apakah fahaman anda mengenai "homeostasis" dalam keluarga?
 - (ii) Huraikan faktor-faktor yang menyumbang kepada "homeostasis" dalam keluarga.